

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR UiTM
YANG BERBAHAGIA
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH JANOR**

SIDANG KE-13 (PETANG)

**ISTIADAT KONVOKESYEN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE-96**

DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR

UiTM SHAH ALAM

27 MEI 2023 (SABTU)

Terima kasih Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

- Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para Ibu Bapa, Penjaga dan Graduan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam
Malaysia MADANI.**

1. Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-96**. Selamat datang saya ucapkan kepada ahli keluarga dan para graduan ke **Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam**.

2. Pada **Sidang ke-13** ini, kita bakal menyaksikan penganugerahan Ijazah Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma kepada seramai **890 graduan** dari **UiTM Cawangan Perlis**. Mereka merupakan graduan daripada **Kolej Pengajian Alam Bina, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan**

Perniagaan, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi,
serta **Fakulti Perladangan dan Agroteknologi.**

3. Alhamdulillah, peratusan **Graduan Tamat Pengajian Dalam Tempoh** bagi UiTM Cawangan Perlis amat memuaskan dengan mencatatkan sebanyak **87.9%**.

4. Tahniah diucapkan kepada para graduan di atas usaha dan kejayaan menamat pengajian. Sekalung terima kasih juga diucapkan kepada ibu bapa, penjaga, ahli keluarga, pensyarah dan staf pentadbir Universiti yang turut memainkan peranan signifikan dalam melahirkan modal insan negara.

Hadirin yang dihormati,

5. Matlamat utama UiTM adalah memastikan graduan mendapat pekerjaan seawal 6 bulan pertama selepas bergraduasi. Peratusan kebolehpasaran graduan UiTM terkini bagi program Sains Gunaan, 89.4%, program Pengurusan dan Perniagaan, 87.8%, program Senibina, Perancangan dan Ukur, 92.5%, program Sains Komputer dan Matematik, 90%, program Sains Sukan dan Rekreasi, 88.6%, program Perladangan dan Agroteknologi, 82% serta program Perakaunan, 92%.

6. Selaras dengan itu, baru-baru ini UiTM menerima **Anugerah Universiti Pilihan Majikan** melalui **Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan** oleh **Talentbank**, yang mana bidang Perakaunan, Pengurusan

Perniagaan, Pemasaran, serta Reka Bentuk Dalaman antara yang menerima skor **6 Bintang**, manakala, bidang Sains, Matematik dan Statistik menerima skor **5 Bintang**.

7. UiTM juga tersenarai dalam **QS World University Rankings by Subject 2023**, yang mana, subjek Seni Bina berada dalam kedudukan **200 terbaik**, Perakaunan dan Kewangan, **300 terbaik**, serta Pengurusan Perniagaan **450 terbaik dunia**. Syabas kepada semua.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. UiTM telah mengadun pelbagai inisiatif bagi meningkatkan potensi pelajar dan staf. Salah satu inisiatifnya, adalah melalui jaringan kerjasama dengan organisasi dan industri di dalam dan di luar

negara. Alhamdulillah, pada tahun 2022, **UiTM Cawangan Perlis** khususnya telah melaksanakan pelbagai program melalui lebih daripada **23 Perjanjian Persefahaman** dalam melahirkan graduan yang holistik.

9. Misalnya, pelajar perakaunan telah berpeluang menghadiri **International Accounting Acculturation Camp** yang dianjurkan bersama **Rattaphum College** dan **Rajamangala University of Technology Srivijaya, Thailand.** Peluang ini mendedahkan graduan kepada budaya masyarakat luar di samping bertukar-tukar idea bersama graduan dari luar negara.

10. Pada tahun lepas juga, **UiTM Cawangan Perlis** telah menerima kunjungan antarabangsa dari

Emerald Publishing, England dan Center for Sustainability Research and Consultancy Pakistan.

Jalinan ini membuka lebih banyak peluang kepada universiti untuk menganjurkan seminar, konferensi serta penyelidikan pada peringkat antarabangsa.

11. UiTM turut mempunyai perancangan untuk menghantar kontinjen ke **Karnival Varsiti Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand**, di Universitas Syiah Kuala, Aceh, Indonesia yang mana, pelajar akan dilibatkan dengan acara sukan, seminar dan persembahan kebudayaan.

Hadirin sekalian,

12. Kemenjadian graduan UiTM dapat dilihat melalui pencapaian mereka. Misalnya, **Saudara Muhammad Syakir Aiman Subri**, telah berjaya

mendapat **pingat Gangsa** bagi acara Gymnastic Artistic, dalam **Sukan SEA 2023 di Kemboja**.

13. UiTM juga sebelum ini pernah melakar sejarah melalui penyertaan **Saudari Juni Karimah Noor Jamali** dan **Saudara Khairulnizam Mohd Affendy** yang telah mewakili negara sebagai atlet Sukan Perahu Layar ke **Olimpik Tokyo**, pada **tahun 2020**.

14. UiTM juga telah melahirkan ramai insan hebat yang menjadi penyumbang kepada negara. Antaranya, **Dato' Seri Haji Mohammed Nasir Rakhir**, Pengarah Perhubungan Kerajaan, McDonald's Malaysia, **Dato' Seri Ahmad Farid Redzuan** yang merupakan C.E.O Media Prima Berhad, **Profesor Dato' Surveyor Dr. Azimuddin Bahari**, Timbalan Naib Canselor Universiti

Geomatika Malaysia serta **Dato' Mohd Khay Ibrahim**, Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan ZIKAY Group Berhad.

15. Saya yakin, para graduan juga boleh menjadi ikon kepada generasi akan datang dan mampu untuk menyumbang bakti kepada masyarakat. Insya-Allah.

Graduan yang dikasihi sekalian,

16. Kecemerlangan seseorang itu tidak hanya diukur berdasarkan tahap intelektual dan kemahiran semata-mata. Ia juga perlu disempurnakan dengan nilai yang murni serta sikap yang terpuji.

17. Saya doakan agar para graduan sekalian

menjadi anak-anak yang berjasa dan sentiasa membanggakan ibu bapa, dan disegani masyarakat.

18. Sekali lagi tahniah kepada para graduan dan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Izinkan saya sudahi dengan serangkap pantun:

Kembang mekar bunga Dahlia

Kembang bersama bunga Kekwa

Menuntut ilmu amalan mulia

Jadikan amalan di dalam jiwa

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.